

MAJLIS DAERAH KERIAN JAWATAN KOSONG



PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA DAN KEUTAMAAN KEPADA RAKYAT DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN YANG BERUMUR TIDAK KURANG DARIPADA 18 TAHUN UNTUK MENGGISI JAWATAN-JAWATAN BERIKUT:

1. PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA (GRED JA29) (KONTRAK)



WWW.MDKERIAN.GOV.MY

MAJLIS DAERAH KERIAN



JAWATAN	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA (GRED JA29) (KONTRAK)
KUMPULAN	PELAKSANA
JADUAL GAJI (MIN-MAX)	MIN : RM 1549.00 MAK : RM 5701.00

SYARAT LANTIKAN :

- Diploma dalam bidang Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1935.02] dan
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan)

CARA MEMOHON

- Syarat lantikan dan cara memohon boleh dirujuk dari laman web Majlis Daerah Kerian iaitu : www.mdkerian.gov.my atau <https://digital.perak.my/perjawatan/>
- Permohonan hanya boleh dibuat secara atas talian (online) melalui laman sesawang <https://digital.perak.my/perjawatan/>

CATATAN AM

- Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- Pemohon yang tidak menerima borang jawapan selepas enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.

DESKRIPSI TUGAS:

- Menyediakan maklumat dan pelan yang berkaitan untuk kegunaan perancangan dan koordinasi pembangunan infrastruktur dan utiliti serta pengangkutan/sistem trafik di kawasan perbandaran.
- Memberikan ulasan teknikal bagi permohonan kebenaran merancang pemajuan tanah, pendirian bangunan, pindaan pendirian bangunan, kemudahan infrastruktur dan utiliti bagi kawasan perbandaran.
- Memberikan ulasan teknikal bagi permohonan tanah, tukar syarat, pecah sempadan atau cantuman tanah, tadika atau taska dan lesen perniagaan.
- Menyediakan pelan dan laporan lawatan tapak bagi permohonan membina struktur menara telekomunikasi dan permohonan cadangan untuk memasang struktur telekomunikasi atas bangunan oleh pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan menyediakan pelan bagi pegawai kawasan.
- Bertanggungjawab terhadap penyelarasan bajet berhubung dengan pengurusan projek, promosi pemasaran hartanah, pembangunan dan bajet mengurus. Pembangunan pangkalan data GIS untuk data-data perancangan serta pengumpulan maklumat-maklumat kemajuan perancangan dan pembangunan bandar.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 11 MAC 2022